

LAPORAN TAHUNAN 2024


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SABAH



<https://library.uitm.edu.my/sabah>

UiTM *di hatiku*

اوسها تقوى موليا



• MEMANA PUSTAKA
Perpustakaan Tun
Abdul Razak
Smart Classroom
Big Data Lab

LAPORAN TAHUNAN 2024

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SABAH**

قَمْبُودِيَانْ عِلْمُو مَمْبِنْتُوقْ اَدِيوَعْسَا

PEMBUDAYAAN ILMU
MEMBENTUK ADIWANGSA

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

ROMI RAMPUN @ RAMLAN
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN

PENYELARAS

NURSYAHIDA KHAIRUL ANUAR
PUSTAKAWAN

PENULIS

ASRIZAM AWANG AMAN
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

ROSMAWATI GANANG
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

SAMBRY SHAFIE
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

NURUL AZIZIE SHAHIRAH
PEMBANTU PUSTAKAWAN

EDITOR

NURSYAHIDA KHAIRUL ANUAR
PUSTAKAWAN

REKA BENTUK

BERNARD JUSTINUS
PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

NURUL AZIZIE SHAHIRAH
PEMBANTU PUSTAKAWAN

SUMBANGAN MAKLUMAT

UNIT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

UNIT SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

UNIT PERPUSTAKAAN DIGITAL DAN ARKIB
UNIVERSITI

PENAFIAN

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperolehi dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak terlebih dahulu.

Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Terbitan Pertama 2024

eISSN :

© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi Mara
Beg Berkunci 71
88997 Kota Kinabalu Sabah

No Telefon:

088 513604 | Perkhidmatan Pelanggan
088 513616 | Marlia Yuming
088 513607 | Nursyahida Khairul Anuar
Laman Web: <https://library.uitm.edu.my/sabah>

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

PROFIL PERPUSTAKAAN

Sejarah PTAR UiTM Cawangan Sabah

Dasar, Misi & Objektif

Objektif Kualiti

Piagam Pelanggan

Carta Organisasi Perpustakaan

Pengurusan Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sabah

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

1. Perancangan Strategik

2. Pembangunan Sumber Manusia dan Bakat

3. Kecemerlangan Kualiti dan Inovasi

4. Pengurusan Kewangan dan Infrastruktur

SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

LAWATAN

KOLABERASI

PENERBITAN

KERATAN AKHBAR

Perutusan KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Romi Rampun@Ramlan

Timbalan Ketua Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
UiTM Cawangan Sabah

D

engan mengucapkan syukur ke hadirat Allah SWT, atas segala limpahan rahmat dan hidayah-Nya, kami dapat menyelesaikan Buku Laporan Tahunan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah ini dengan baik. Laporan ini merupakan cerminan dari dedikasi dan komitmen kami dalam menyediakan layanan perpustakaan yang unggul bagi mendukung dan menyokong proses pembelajaran dan pengajaran selaras dengan misi dan visi UiTM Cawangan Sabah.

Di tengah perkembangan teknologi informasi yang pesat dan perubahan dinamika pembelajaran, kami terus berupaya untuk meningkatkan kualiti layanan dan fasiliti yang kami tawarkan. Berbagai program dan kegiatan telah diimplementasikan untuk mendukung proses belajar mengajar serta penelitian di kampus.

Kami menyadari bahwa pencapaian ini tidak dapat diraih tanpa dukungan dari berbagai pihak. Oleh karena itu, kami ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih yang tulus kepada seluruh staf perpustakaan yang berdedikasi, mahasiswa, dosen, serta semua pihak yang telah berkontribusi dan mendukung kemajuan perpustakaan ini.

Laporan ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang komprehensif mengenai kinerja dan pencapaian Perpustakaan Tun Abdul Razak selama satu tahun terakhir. Kami juga berharap, laporan ini bisa menjadi dasar evaluasi dan perencanaan yang lebih baik untuk masa mendatang, sehingga perpustakaan kita dapat terus berkembang dan memberikan manfaat yang optimal bagi seluruh pengguna.

Akhir kata, kami mengucapkan terima kasih atas perhatian dan dukungan yang telah diberikan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak. Semoga perpustakaan kita dapat terus berperanan aktif dalam mendukung pencapaian akademik dan penelitian di UiTM Cawangan Sabah.

**Wabillahi taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.**

An aerial photograph of a university campus, likely Universiti Tun Abdul Razak, featuring several large buildings with red roofs, green lawns, and surrounding forested hills. In the background, a large body of water (the Johor Strait) is visible with several islands and a bridge. The sky is blue with some clouds. A semi-transparent dark grey box is overlaid on the image, containing a quote in white text. The quote is framed by white lines that extend to the edges of the image.

**"KOMUNIKASI YANG EFEKTIF
ADALAH DASAR DARI
ORGANISASI YANG KUAT."**

GEORGE BERNARD SHAW

PROFIL PERPUSTAKAAN

SEJARAH PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN SABAH

PERPUSTAKAAN KAMPUS KOTA KINABALU

Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah ditubuhkan pada Julai 1973 serentak dengan penubuhan UiTM Sabah yang dikenali pada masa itu sebagai Yayasan Sabah – Institut Teknologi MARA (YS-ITM) di Sembulan, Kota Kinabalu. Terletak ditingkat satu blok kuliah. Mula beroperasi dengan bilangan 3 orang staf. Perpustakaan di Sembulan masih dikekalkan walaupun pada tahun 1983 sebahagian besar ITM Sabah berpindah ke kampus tetapnya di Kuala Mengatal dimana Perpustakaan ditempatkan di Blok Rafflesia. Perpustakaan ITM Sabah beroperasi sepenuhnya di Kampus Kuala Mengatal apabila pada tahun 1991, ITM Sabah menyerah sepenuhnya bangunan Kampus Sembulan kepada Yayasan Sabah. Pada Jun 1993, bangunan Perpustakaan berpindah ke bangunan Perpustakaan baharu di Pusat Pentadbiran dan Akademik.

Pada 18 Mac 2003 perpustakaan di kampus Kota Kinabalu terpaksa dipindahkan ke bekas Dewan Rekreasi disebabkan masalah struktur bangunan. Perkhidmatan pinjaman / pemulangan dijalankan secara “off line” dan kemudian dijalankan transaksinya ke server yang masih berada di bangunan asal. Kesemua aktiviti perpustakaan dapat dijalankan di perpustakaan baharu di kawasan Medan Ilmu setelah server ILMU dipindahkan pada 1 April 2003 dan perkhidmatan Kaunter Sirkulasi berjalan sepenuhnya pada 2 April 2003. Sebelum itu, pada 28 Februari 2004 sebuah ruang berhampiran Perpustakaan iaitu bekas Dewan Makan siap diubahsuaikan menjadi ruang tambahan Perpustakaan. Pertambahan ruang ini membolehkan pihak Perpustakaan menyediakan sebanyak 160 tempat duduk pengguna.

Pada pertengahan tahun 2009, pembinaan bangunan Perpustakaan baharu telah mula dijalankan dan perpindahan dijangka akan dapat dibuat selepas bangunan baharu tersebut siap sepenuhnya. Apabila bangunan tetap Perpustakaan disiapkan, pada September 2010, Unit Jilid dipindahkan terlebih dahulu ke bangunan tersebut iaitu di bangunan pertama sebelah kiri iaitu simpang jalan masuk ke Gym. Sementara itu kesemua bahagian Perpustakaan dipindahkan mulai 15 November 2010 secara berperingkat agar perkhidmatan dan aktiviti Perpustakaan tidak terjejas.

Perpindahan rasmi ke Perpustakaan baharu ialah pada 24 Disember 2010. Keluasan Perpustakaan baharu ialah 4500.70 meter persegi dengan kapasiti sebanyak 650 orang. Ia juga dilengkapi dengan 300 node internet termasuk sebuah makmal kemahiran maklumat dengan kapasiti 50 node internet.

SEJARAH PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN SABAH

PERPUSTAKAAN KAMPUS TAWAU

Perpustakaan Kampus Tawau mula beroperasi pada 1996 di Tingkat 2, Wisma MAA, Tawau yang merupakan satu lokasi yang menarik berhampiran dengan pusat kewangan, penginapan dan lain-lain kemudahan di bandar Tawau. Pada tahun 2006, Perpustakaan Kampus Tawau telah berpindah beroperasi di Bangunan Hup Foh, Bandaran Baru, Jalan Baru Tawau.

Seiring dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan akses pendidikan tinggi yang lebih luas dengan fasiliti dan persekitaran yang kondusif, Perpustakaan Kampus Tawau di Balung telah mula dibina pada tahun 2009. Pada tahun 2011 Perpustakaan Kampus Tawau telah berpindah daripada Wisma MAA ke bangunan Pustaka Ilmu. Sehingga kini perpustakaan Kampus Tawau telah beroperasi tetap di bangunan Pustaka Ilmu, di Balung Tawau.

DASAR , MISI DAN OBJEKTIF PERPUSTAKAAN



DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.



MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.



OBJEKTIF

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati. Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya. Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelan an. Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI (*Excellence, Syner, Integrity*) dalam kalangan warga UiTM. Meningkatkan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

PIAGAM PELANGGAN

1

Memastikan permohonan Book Delivery Service (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

2

Memastikan bahan Pinjaman Antara Perpustakaan (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan.

3

Memastikan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan diberi maklumbalas dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

4

Memastikan permohonan rujukan bahan Arkib Universiti tersedia dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

5

Memastikan Portal Perpustakaan Digital dapat diakses 24/7 oleh pelanggan.

6

Memastikan status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu (buku bercetak/ jurnal bercetak/ eBook/ PDAT/ eJournal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

OBJEKTIF KUALITI

1

Memastikan 85% Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UiTM.

2

Memastikan bahan Pinjaman Antara Perpustakaan (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan.

3

Memastikan Pemilikan Bahan Silibus 100% di dalam Koleksi Sumber Rujukan.

4

Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak 24 kali setiap tahun.


5

Memastikan 800 ribu pengunjung Perpustakaan UiTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UiTM.

6

Memastikan 100% Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui Online Finding Archive (OFA).

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN SABAH TAHUN 2024





ROMI RAMPUN@RAMLAN

TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN (S12)



**HARYATI
RAMLEE**

PUSTAKAWAN KANAN (S10)



**MARLIA
YUMING**

PUSTAKAWAN KANAN (S10)



**NURSYAHIDA
KHAIRUL ANUAR**

PUSTAKAWAN (S9)

BARISAN STAF

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SABAH



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

PEMBANTU PUSTAKAWAN TERTINGGI (S3)



ZAKARIAMAT
MATTIONG

PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN (S2)



ASRIZAM
AWANG AMAN



SHARMILA
TAWAKKAL



AZLEH
MADRAH



ROSMAWATI
GANANG



BERNARD
JUSTINUS



SAMBRY
SHAFIE



ABDUL RAZIL
JUSANIE

BARISAN STAF

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SABAH



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

PEMBANTU PUSTAKAWAN (SI)



**JAMILAH
INTUH**



**FARIDZUAN
HANAFIAH @ ENKASAN**



**NURUL AZIZIE
SYAHIRAH MINGGU**



**NUR HAWA AMEERA
HAWILIN @ SAMIDIN**

BARISAN STAF

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SABAH



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

PEMBANTU KHIDMAT AM (HI)



**AWANG JUMAT
AWANG ASIK**



**DARVIN HASNEN
@ WINN ISKANDAR**

PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN (S2)



RAHMAT KAPARANG

PEMBANTU PUSTAKAWAN (S1)



ALFERA ZURHAIN SAIRIN



PERPUSTAKAAN KAMPUS KOTA KINABALU




PERPUSTAKAAN KAMPUS TAWAU

**"ILMU BUKAN HANYA UNTUK
DIKETAHUI, TETAPI UNTUK
DIPRAKTIKKAN DEMI KEBAIKAN
BERSAMA."**

CURIE, E. "MADAME CURIE: A BIOGRAPHY" (1937)

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN 2024



PEMBUDAYAAN ILMU									
STRATEGIC GOAL	UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED								
STRATEGIC THRUSTS	QUALITY EDUCATION			GLOBAL EXCELLENT		VALUE DRIVEN PERFORMANCE			
STRATEGIC THEMES	EDUCATION 5.0	ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE	WIDENED ACCESS	TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION	INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP	TALENT EXCELLENT	AGILE GOVERNANCE	SMART CAMPUS	SUSTAINABLE FUNDING
<p>7</p> <p>PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)</p>	<p>KPI 1: Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti</p> <p>KPI 2: Bilangan Rekod Penting Universiti</p> <p>KPI 3: Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk</p>			<p>KPI 4: Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi</p> <p>KPI 5: Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu</p>		<p>KPI 6: Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital</p> <p>KPI 7: Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM</p>			
<p>13</p> <p>PETUNJUK PRESTASI (PI)</p> <p>PERPUSTAKAAN UiTM</p>	<p>PI 1: Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti</p> <p>PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab</p> <p>PI 3: Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti</p> <p>PI 4: Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan</p> <p>PI 5: Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM</p> <p>PI 6: Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan</p>			<p>PI 7: Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi</p> <p>PI 8: Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan</p> <p>PI 9: Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat</p> <p>PI 10: Bilangan Penglibatan Alumni UiTM</p>		<p>PI 11: Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM</p> <p>PI 12: Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan</p> <p>PI 13: Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja</p>			

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT



**KUMPULAN SOKONGAN
(KAMPUS KOTA
KINABALU)
14 ORANG**



**KUMPULAN
PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL
4 ORANG**



**KUMPULAN
SOKONGAN
(KAMPUS TAWAU)
2 ORANG**

20
JUMLAH STAF

PRESTASI JAM LATIHAN STAF PTAR

SISTEM <i>e-latihan2u</i>					
JAM LATIHAN STAF PTAR UiTM CAWANGAN SABAH TAHUN 2024					
NO	NAMA	JAWATAN	NO.STAF	JUMLAH JAM	STATUS
1	ROMI RAMPUN @ RAMLAN	TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN	160649	46.50	MENCAPAI
2	HARYATI RAMLEE	PUSTAKAWAN KANAN	282527	48.75	MENCAPAI
3	MARLIA YUMING	PUSTAKAWAN KANAN	321048	52.00	MENCAPAI
4	NURSYAHIDA KHAIRUL ANUAR	PUSTAKAWAN	376064	67.00	MENCAPAI
5	ABDUL RAZIL JUSANIE	PEMBANTU PEMULIHARAAN	229263	58.00	MENCAPAI
6	ASRIZAM AWANG AMAN	PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN	256171	64.50	MENCAPAI
7	AWG JUMAT AWW ASIK	PEMBANTU OPERASI KANAN	093059	45.00	MENCAPAI
8	AZLEH MADRAH	PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN	271936	42.00	MENCAPAI
9	BERNARD JUSTINUS	PEMBANTU PUSTAKAWAN	321035	46.00	MENCAPAI
10	DARVIN HASNEN @ WINN	PEMBANTU OPERASI	183503	64.30	MENCAPAI
11	JAMILAH INTUH	PEMBANTU PUSTAKAWAN	307787	69.50	MENCAPAI
12	NURUL AZIZI SYAHIRAH MINGGU	PEMBANTU PUSTAKAWAN	367125	48.50	MENCAPAI
13	NUR HAWA AMEERA HAWILIN	PEMBANTU PUSTAKAWAN	375874	44.80	MENCAPAI
14	ROSMAWATI GANANG	PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN	276478	46.00	MENCAPAI
15	SAMBRY SHAFIE	PEMBANTU PUSTAKAWAN	291893	54.00	MENCAPAI
16	SHARMILA TAWAKKAL	PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN	210939	57.50	MENCAPAI
17	ZAKARIAMAT MATTIONG	PEMBANTU PUSTAKAWAN TERTINGGI	124795	58.50	MENCAPAI
18	RAHMAT KAPARANG	PEMBANTU PERPUSTAKAAN KANAN	212908	52.00	MENCAPAI
19	ALFERA ZURHAIN SAIRIN	PEMBANTU PERPUSTAKAAN	349842	59.00	MENCAPAI
20	FARIDZUAN HANAFIAH	PEMBANTU PEMULIHARAAN	314055	63.50	MENCAPAI

100%

Jumlah : 20 orang telah mencapai 42 jam latihan

Laporan prestasi jam latihan staf menunjukkan peratusan sebanyak 100% 20 orang staf daripada 20 orang staf yang telah mencapai jam latihan.

Sumber : Sistem e-latihan2u

PENGURUSAN KEWANGAN DAN INFRASTRUKTUR

**JUMLAH PERUNTUKAN
RM30,000**



BUKU TEKS & BAHAN
TERBITAN
RM24,000

LANGGANAN SURAT
KHABAR / MAJALAH
RM6,000

**JUMLAH PERBELANJAAN
RM21,623.38**

**JUMLAH PENJANAAN
RM24,435.65**



CETAKAN ICT, DENDA LEWAT &
FOTOSTAT
RM23,833.15

PENJILIDAN
RM602.50



PENCAPAIAN

BAHAGIAN PERPUSTAKAAN SEPANJANG 2024

**PEMENANG PERTANDINGAN
OPERATIONAL EXCELLENT (OE)**

Tempat Kedua

Kumpulan:
KOPITUMA

Projek:
E-Pro

(Excellence printing organization)



**PEMENANG PERTANDINGAN
DEKORASI PEJABAT**

Tempat Pertama

Kategori Bahagian sempena Semarak
Merdeka Jiwa Merdeka



PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

KE ATAS;

Persaraan dan Kenaikan Pangkat



Jasamu Dikenang

TERIMA KASIH,

Kami, seluruh warga Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Mohamad Bin Ismail atas segala usaha, dedikasi, dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang **38 tahun** perkhidmatan beliau. Sebagai seorang "otai" dalam dunia perpustakaan, En. Mohamad telah memberi impak yang besar dalam membangunkan dan menguruskan sumber rujukan, serta meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan di universiti ini.

Bermula sebagai Pembantu Am Rendah (PAR) di YS-ITM Sembulan dan akhirnya menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan Tertinggi di UiTM Kampus Menggatal, sumbangan beliau yang berterusan dalam memperkasakan perkhidmatan perpustakaan tidak ternilai harganya. Kepakaran, komitmen, dan integriti beliau telah menjadi contoh teladan yang menginspirasi kami semua.

Kami mendoakan semoga segala amal bakti beliau akan terus memberi manfaat kepada UiTM Sabah dan menjadi legasi yang terus dikenang oleh semua warga universiti. Terima kasih yang tidak terhingga atas segala jasa yang telah ditaburkan sepanjang perkhidmatan beliau. Kami mendoakan kesejahteraan dan kejayaan En. Mohamad Bin Ismail dalam setiap langkah beliau seterusnya.

EN MOHAMAD BIN ISMAIL

Pembantu Pustakawan Tertinggi (S26)

Berkhidmat 2 September 1985 - 02 Februari 2024





Tahniah

DI ATAS KENAIKAN PANGKAT

Kami, seluruh warga Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah mengucapkan syabas dan tahniah di atas kenaikan pangkat. Semoga dengan pangkat baru ini, anda terus berjaya dalam kerjaya dan mencapai lebih banyak pencapaian yang cemerlang. Selamat maju jaya dan teruskan kecemerlangan.

EN BERNARD JUSTINUS

Pembantu Pustakawan Kanan (S22)



Tahniah

DI ATAS KENAIKAN PANGKAT

Kami, seluruh warga Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah mengucapkan syabas dan tahniah di atas kenaikan pangkat. Semoga dengan pangkat baru ini, anda terus berjaya dalam kerjaya dan mencapai lebih banyak pencapaian yang cemerlang. Selamat maju jaya dan teruskan kecemerlangan.

EN SAMBRY SHAFIE

Pembantu Pustakawan Kanan (S22)



Tahniah

DI ATAS KENAIKAN PANGKAT

Kami, seluruh warga Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah mengucapkan syabas dan tahniah di atas kenaikan pangkat. Semoga dengan pangkat baru ini, anda terus berjaya dalam kerjaya dan mencapai lebih banyak pencapaian yang cemerlang. Selamat maju jaya dan teruskan kecemerlangan.

EN ABDUL RAZIL JUSANIE

Pembantu Pemuliharaan Kanan (S22)



**"PERPUSTAKAAN ADALAH
GUDANG DARI SEMUA
KEKAYAAN MANUSIA."**

- ANDREW CARNEGIE

**SUMBER RUJUKAN
UNIVERSITI**

PERBELANJAAN PEROLEHAN

PERUNTUKAN

**TABUNG
PENGURUSAN**
RM 30,000

PERBELANJAAN

BUKU
RM10,274.38

SURAT KHABAR
RM1,599

STIKER BARKOD
RM9,750

Koleksi

Bahan Perpustakaan



Koleksi bahan perpustakaan adalah sekumpulan bahan yang dikumpulkan, disusun, dan disediakan oleh perpustakaan untuk kegunaan pembaca, pelajar, penyelidik, dan pengguna lain. Bahan-bahan ini boleh berbentuk fizikal atau digital dan meliputi pelbagai jenis sumber maklumat. Jenis-jenis koleksi yang disediakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sabah adalah;

KOLEKSI PINJAMAN BIASA

KOLEKSI RUJUKAN

KOLEKSI AL-QURAN & TAFSIR

KOLEKSI CD & MULTIMEDIA

KOLEKSI BAHAN TERHAD

KOLEKSI MAJALAH TERKINI

KOLEKSI MAJALAH BERJILID

Koleksi

Bahan Perpustakaan

	BAHAN BERCETAK	BAHAN BUKAN BERCETAK
KAMPUS KOTA KINABALU	Judul - 59,158 Naskah - 84,014	Judul - 2,105 Naskah - 4,467
KAMPUS TAWAU	Judul - 4,387 Naskah - 7,237	Judul - 28 Naskah - 450
JUMLAH	Judul - 63,545 Naskah - 91,251	Judul - 2,133 Naskah - 4,917

HUB KANDUNGAN TEMPATAN



Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTM), telah mengambil inisiatif membangunkan koleksi khas mengenai label generik dan etnik Kadazandusun. Koleksi ini merangkumi 45 kumpulan dialektik dan suku kaum, menjadikannya sumber rujukan yang kaya dan berharga dalam memahami kepelbagaian budaya serta warisan masyarakat Kadazandusun.

Koleksi ini menghimpunkan pelbagai bahan termasuk artikel, tesis, video, dan laman web, yang memperkayakan pemahaman tentang etnik Kadazandusun. Pelbagai ritual tradisional seperti magavau (upacara kesyukuran kepada semangat padi) juga didokumentasikan, memperlihatkan hubungan erat masyarakat Kadazandusun dengan alam dan kepercayaan nenek moyang mereka.



MENARA PUSTAKA
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

**"PERPUSTAKAAN ADALAH
GUDANG DARI SEMUA
KEKAYAAN MANUSIA."**


- ANDREW CARNEGIE

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

tatistik

PENGUNJUNG PERPUSTAKAN

JAN-DEC 2024



KAMPUS
**KOTA
KINABALU**

CETAKAN ICT

RM 19,281.85

DENDA LEWAT

RM 900.60

FOTOSTAT

RM 242.85

JUMLAH

RM 20,425.30

KAMPUS
TAWAU

CETAKAN ICT

RM 3,273.45

DENDA LEWAT

RM 134.40

JUMLAH

RM 3,407.85

**JUMLAH KESELURUHAN
PENJANAAN UNIT PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN
2024**

**RM
23,833.15**

**data sehingga Disember 2024*




RUANG PEMBELAJARAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN SABAH





GALERI JUBLI EMAS 50 TAHUN UITM CAWANGAN SABAH

Galeri ini menampilkan pencapaian dan memori sepanjang 50 tahun, dari 1973 sehingga kini. Setiap sudut galeri ini menggambarkan perjalanan bersejarah yang penuh dengan kejayaan, cabaran, dan transformasi yang mengukir sejarah kita. Dari penubuhan Yayasan Sabah - Institut Teknologi MARA (YS-ITM) hingga menjadi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah yang kita kenali hari ini.




LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT (LCE)

Perpustakaan menyediakan ruang khas untuk warga UiTM Sabah melakukan pelbagai aktiviti perkongsian ilmu dan interaksi. Melalui kolaborasi dengan perpustakaan, ruang ini menjadi pusat untuk perbincangan, pertukaran idea, dan aktiviti komuniti yang memperkaya pengalaman dan hubungan bersama warga.



SERAMBI ILMU RAKYAT (SIR) CORNER

Sudut Serambi Ilmu Rakyat (SIR) adalah ruang khas di perpustakaan yang menyediakan akses kepada lebih 100,000 koleksi digital daripada 7 pangkalan data utama seperti Emerald, OverDrive, BLIS, dan banyak lagi. Ruang ini direka untuk memudahkan pengguna mencari bahan ilmiah, artikel, buku, dan jurnal yang relevan untuk penyelidikan, pembelajaran, dan pengembangan diri.




JOKIR ILMU

Sudut bacaan yang terbuka untuk pelajar, menyediakan bahan bacaan santai seperti majalah, surat khabar, dan pelbagai bahan lain. Ruang ini direka untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk bersantai sambil menikmati bacaan yang ringan dan informatif, mencipta suasana yang selesa dan menyegarkan untuk memanfaatkan waktu lapang mereka.



RUANG PEMBELAJARAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN SABAH



BILIK PERBINCANGAN

Terdapat empat bilik perbincangan yang dilengkapi dengan layar dan papan putih, menyediakan ruang yang ideal untuk sesi perbincangan dan pembentangan. Setiap bilik direka untuk menyokong kolaborasi yang produktif, membolehkan peserta berkongsi idea, membincangkan projek, dan membuat pembentangan dengan kemudahan visual yang diperlukan.



SMART CLASSROOM

Smart Classroom 1 dan 2: Dilengkapi dengan TV LED, papan putih, dan sistem PA, kedua-dua bilik ini direka khusus untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan seminar. Kemudahan canggih ini memastikan sesi pembelajaran, pembentangan, dan seminar dapat dijalankan dengan lebih interaktif dan berkesan, memberikan pengalaman yang lebih menyeluruh dan profesional.



BIG DATA LAB

Ruang ini dilengkapi dengan komputer moden dan perisian terkini, menyediakan persekitaran yang ideal untuk aktiviti pengkomputeran, latihan teknikal, dan penyelidikan. Makmal ini direka untuk menyokong pelbagai keperluan akademik dan praktikal, menawarkan akses kepada teknologi yang diperlukan untuk menjalankan projek dan tugas dengan efisien.



BILIK SEMINAR PERPUSTAKAAN

Bilik ini dinamakan sempena tokoh bersejarah Mat Salleh, Antanom, dan Sogunting, dapat menampung 40 hingga 60 orang. Bilik ini direka khas untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PnP), seperti seminar, bengkel, dan perbincangan akademik. Dengan kemudahan moden dan suasana yang kondusif, bilik seminar ini dirasmikan pada 11 Oktober 2024 untuk menyokong pengembangan ilmu dan interaksi akademik di perpustakaan.



RUANG PEMBELAJARAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN SABAH




AR-RAUDAH UHEI @ PTAR

Sebuah sudut khas yang menyediakan ruang untuk mendalami dan menghayati ilmu Islam. Ruang ini dilengkapi dengan bahan bacaan, sumber rujukan, dan alat bantu yang berkaitan dengan pengajian Islam, menawarkan suasana yang tenang dan kondusif untuk pembelajaran, refleksi, dan pengembangan spiritual.




BILIK KOLEKSI TERHAD

Menyediakan akses kepada bahan yang eksklusif dan penting, termasuk Koleksi Perdana Menteri, projek pelajar, laporan tahunan, dan akta. Bahan-bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya boleh dirujuk di perpustakaan sahaja. Koleksi ini direka untuk menyokong penyelidikan mendalam dan memberikan maklumat yang khusus serta relevan kepada pengguna yang memerlukan sumber yang unik dan berharga.



PUSAT IT

Pusat IT Perpustakaan menyediakan komputer percuma untuk pelajar, termasuk untuk melayari internet dan menyiapkan tugas. Selain itu, perkhidmatan cetakan dan fotostat juga disediakan untuk pelajar, staf, dan pengunjung, termasuk cetakan hitam putih dan berwarna. Pembayaran dilakukan secara tanpa tunai (cashless) di kaunter, memastikan proses yang mudah dan efisien untuk menyokong keperluan akademik dan administratif.



GALERI PERPUSTAKAAN


Sudut bacaan yang terbuka untuk pelajar, menyediakan bahan bacaan santai seperti majalah, surat khabar, dan pelbagai bahan lain. Ruang ini direka untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk bersantai sambil menikmati bacaan yang ringan dan informatif, mencipta suasana yang selesa dan menyegarkan untuk memanfaatkan waktu lapang mereka.



tatistik

PENGGUNAAN RUANG PERPUSTAKAAN

JAN-DEC 2024



JOM MEMBACA

10 Minit

Pada 23 April 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sabah telah berjaya melaksanakan program Jom Baca 10 Minit. Aktiviti ini diadakan di Ruang Library Community Engagement dan sekitar ruang bacaan perpustakaan, dengan tujuan memupuk budaya membaca di kalangan pelajar dan staf universiti.

Program ini turut disertai oleh Pustakawan Kanan, Cik Marlia Yuming, bersama beberapa orang staf perpustakaan yang komited. Para peserta meluangkan masa membaca bahan pilihan mereka selama 10 minit dalam suasana yang santai dan inspiratif.

Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan pelajar menjadikan membaca sebagai amalan harian, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan, serta menyemai budaya membaca sebagai gaya hidup.





Klinik TAJWID

4 SIRI

Klinik Tajwid adalah program yang berlangsung dalam 4 siri dan dianjurkan dengan kerjasama antara PEWANI, PTAR, dan Resident Studio UiTM Cawangan Sabah. Program ini dilaksanakan di Smart Classroom 1, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sabah.

Program ini disampaikan oleh En. Luqman bin Abdul Shukor, Penolong Pendaftar Unit Hal Ehwal Pelajar, yang berpengalaman dalam bidang tajwid dan bacaan al-Quran. Klinik Tajwid ini bertujuan untuk memperbaiki bacaan al-Quran para peserta, dengan memberi fokus kepada teknik dan cara bacaan yang tepat mengikut ilmu tajwid yang betul.

- 17 Siri 1: 14 Mac 2024
- 17 Siri 2: 15 Mac 2024
- 17 Siri 3: 21 Mac 2024
- 17 Siri 4: 22 Mac 2024

Klinik ini dihadiri oleh staf akademik dan staf pentadbiran UiTM Sabah, yang bersama-sama mendalami ilmu tajwid dan meningkatkan bacaan mereka dalam suasana yang santai dan interaktif. Diharapkan melalui program ini, setiap peserta dapat memperbaiki bacaan al-Quran mereka, serta mengamalkan bacaan yang lebih tepat dan bermakna.

Program

QIRAATUL QURAN DAN TAZKIRAH DHUHA

Program Qiraatul Quran dan Tazkirah Dhuha telah diadakan di Ar Raudhah UHEI @ PTAR, UiTM Cawangan Sabah, dengan dimulakan oleh bacaan doa Mathurat dan tazkirah pagi yang disampaikan oleh Ustaz Asley Josley, Pegawai Eksekutif Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Sabah. Program ini merupakan kolaborasi bersama Perpustakaan UiTM, dan disampaikan secara fizikal serta maya melalui Facebook Live dan Google Meet.



Live Berkah Pagi ar-Raudhah UHEI @ PTAR


Program LIVE BERKAH PAGI di ar-Raudhah UHEI @ PTAR diadakan setiap Isnin dan Rabu dari jam 9:00 hingga 10:00 pagi. Program ini melibatkan bacaan al-Ma'thurat, surah lazim, dan bacaan hadis, yang disampaikan oleh Ustaz Asley Josley dan Mohd Fazri Bin Asun.

Program ini disiarkan secara langsung melalui Google Meet dan Facebook Live, memberi peluang kepada warga UiTM Cawangan Sabah untuk menyertai dan mendapatkan keberkatan serta manfaat dalam suasana yang penuh ilmu dan kedamaian.

Kelas Kemahiran Maklumat bertujuan memberi pendedahan kepada pengguna perpustakaan tentang perkhidmatan perpustakaan terutamanya cara mengakses perkhidmatan digital dan fizikal, pencarian koleksi perpustakaan, teknik pengaksesan dan penilaian maklumat yang tepat dan sebagainya. Objektif utama adalah untuk membina kemahiran pencarian maklumat yang berkesan serta membimbing pengguna supaya mampu menggunakan perkhidmatan perpustakaan sepenuhnya secara sistematik.

Bagi memberikan tunjuk ajar yang lebih berkesan, Kelas Kemahiran Maklumat ditawarkan secara online kepada semua pengguna.

KELAS LITERASI MAKLUMAT



Modul Kelas Kemahiran Maklumat:

- LSC100 - Introduction to Library System
- LSC101 - Introduction to Electronic Resources
- LSC102 - Online Database for Literature
- LSC200 - Advanced Literature Search (Scopus)
- LSC201 - Advanced Literature Search (WOS)
- LMS300 - Library Management Software (Endnote)
- LMS301 - Library Management Software (Mendeley)
- LMS302 - Easy Write With Microsoft Word
- LMS400 - Writing and Publishing
- LMS401 - Open Access for Scholarly Publication
- LMS402 - Google Scholar & Google Drive



Bengkel PAPERMACHINE@UiTM

Pada 01 Oktober 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sabah dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM Cawangan Sabah (PJIMA) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Tatacara Paper Machine @ UiTM di Dewan Ibnu Battuta, Ujana Sarjana. Bengkel ini bertujuan untuk membantu pensyarah baharu dalam merangka penulisan akademik dan meningkatkan penyelidikan di UiTM. Taklimat disampaikan oleh Dr. Zalfah Awang Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.



BENGKEL penulisan
TATACARA PAPER MACHINE@UiTM
01 OKTOBER 2024
SELASA
08:00- 01.00
PAGI PETANG
LINK KEHADIRAN :
<https://forms.gle/Z36Qia7WbLYWcW7>

Semua Pensyarah UiTM Cawangan Sabah dijemput hadir
*JAM LATIHAN DISEDIAKAN

- Memperkenalkan platform "Paper Machine" dengan lebih terperinci kepada semua pensyarah UiTM Cawangan Sabah
- Membantu pensyarah menghasilkan penulisan berimpak tinggi menggunakan platform ini.
- Menggalakan pensyarah menggunakan pangkalan data dalam talian sebagai sumber utama penulisan

Panel Perorangan:

- ROMI RAMPUN @RAMLAN**
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
- DR. ZALFAN AWANG ZAKARIA**
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
- MALIA YUMING**
PUSTAKAWAN KANAN
- MURSYARBA KHAIRO ANUAR**
PUSTAKAWAN

Maklumat Lanjut : 088-513609/3604
Anjuran : Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah bersama Bahagian PJIMA UiTM Cawangan Sabah

TARIKH AKHIR BUKAN KEHADIRAN : 27th SEPTEMBER 2024 (JUMMATT) JAM 5.00 PETANG




Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan UiTM Sabah hadir dalam bengkel ini. Paper Machine diperkenalkan sebagai alat untuk membantu pensyarah dan penyelidik dalam penulisan akademik dan penyusunan artikel dengan lebih mudah dan sistematik.

Ucapan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat, dan diharapkan bengkel ini dapat meningkatkan motivasi dan kemahiran penyelidik dalam menghasilkan bahan penulisan akademik yang berkualiti.

Kursus PHD ON TIME

Kursus PHD On Time adalah perkhidmatan perundingan tidak formal yang memfokuskan kepada pelajar pasca siswazah dan penyelidik di UiTM dalam membantu dan menyokong mereka untuk memulakan proses penyelidikan mereka.

Fokus perkhidmatan perundingan ini adalah untuk meningkatkan penglibatan PTAR dalam menyokong keupayaan pelajar dan penyelidik untuk melaksanakan penyelidikan mereka dengan lebih berkesan.



18 SEPTEMBER 2024

DEWAN TUN MUSTAPHA, UiTM CAWANGAN SABAH

OBJEKTIF

- Untuk membantu dan menyokong pelajar pasca siswazah dan penyelidik dalam memulakan proses penyelidikan mereka.
- Membantu pelajar pasca siswazah dan penyelidik dalam menyelesaikan masalah pada setiap fasa penyelidikan mereka.
- Membantu meningkatkan kapasiti intelektual, motivasi, dan emosi pelajar pasca siswazah dan penyelidik sepanjang proses penyelidikan dan pembelajaran mereka.

Keterlibatan alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan kepada UiTM Cawangan Sabah amat penting bagi memastikan kelestarian dan perkembangan universiti. Pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh setiap alumni berpotensi besar untuk memberi manfaat kepada universiti, selain menjadi sumber inspirasi dan teladan kepada para pelajar, khususnya dalam mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dunia profesional.

Sehubungan itu, Perpustakaan UiTM telah menetapkan sasaran untuk melibatkan seramai 200 alumni dalam pelbagai inisiatif yang bertujuan memperkukuhkan hubungan dengan mereka dan memberi impak positif kepada universiti. Penglibatan alumni di UiTM Cawangan Sabah ini akan dilaksanakan melalui beberapa saluran, antaranya:

1. **Keahlian luar perpustakaan (Alumni)** – Memberi peluang kepada alumni untuk terus mengakses sumber serta kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.
2. **Kolaborasi dengan alumni** – Menggalakkan alumni untuk terlibat dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh perpustakaan, termasuk:
 - Menyertai program-program perpustakaan
 - Mendaftar dan hadir ke program-program perpustakaan UiTM
 - Menjadi penceramah, fasilitator, atau moderator jemputan di perpustakaan
3. **Lawatan ke perpustakaan** – Menggalakkan alumni untuk mengadakan lawatan, sama ada secara individu mahupun berkumpulan, bagi melihat perkembangan terkini dan berkongsi pengalaman dengan para pelajar dan warga universiti.

Penglibatan ALUMNI UiTM

Dengan penglibatan aktif alumni dalam program-program yang dijalankan, diharapkan hubungan antara alumni dan universiti dapat terus diperkukuhkan. Usaha ini juga memberi peluang kepada alumni untuk memberi sumbangan yang berharga, sambil berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dengan pelajar dan warga UiTM, sekali gus menyumbang kepada kemajuan UiTM Cawangan Sabah secara keseluruhan.





**"PERPUSTAKAAN DIGITAL
MEMUNGKINKAN AKSES KE
PENGETAHUAN GLOBAL
DENGAN CEPAT DAN EFISIEN."**

- DAVID LANKES

PERPUSTAKAAN DIGITAL

(PI7)

**BILANGAN MUATNAIK BAHAN
INSTITUTIONAL REPOSITORY (IR)**

Universiti Teknologi MARA Institutional Repository (UiTM IR) ialah pusat koleksi digital, bertindak sebagai repositori akses terbuka yang mengumpul, memelihara, dan menyebarkan hasil ilmiah oleh ahli universiti di Universiti Teknologi MARA (artikel jurnal, bab buku, buku, persidangan kertas kerja, tesis, kertas kerja, laporan teknikal, data dan jenis penerbitan penyelidikan lain dan juga manuskrip dan kertas kerja yang tidak diterbitkan). Pada tahun 2024, PTAR UiTM Cawangan Sabah telah disasarkan sebanyak **700** bahan harta intelek setahun. Hasil kerjasama semua PTJ UiTM Cawangan Sabah, khususnya para pensyarah yang banyak menyumbang bahan telah mencapai

Dengan memuat naik hasil penyelidikan dan artikel akademik ke dalam repositori institusi, universiti atau institusi dapat meningkatkan visibiliti hasil penyelidikan mereka di peringkat global. Ini memudahkan penyelidikan mereka diakses oleh penyelidik lain, meningkatkan pengiktirafan dan impak akademik.

705 bahan



Pecahan

BAHAN INSTITUTIONAL REPOSITORY (IR)



SERAMBI ILMU RAKYAT (SIR)

'SIR Corner' merupakan Projek Khidmat Masyarakat (CSR) Yayasan Bank Rakyat berbentuk perpustakaan Digital Bank Rakyat berkonsepkan 80% digital dan 20% fizikal.



KOLEKSI DIGITAL

Lebih 100 ribu koleksi digital yang boleh diakses melalui 7 pangkalan data yang dilanggan seperti berikut:

1. Emerald
2. Overdrive
3. BLIS
4. e-Law
5. e-Newspaper
6. RAM Rating
7. Pressreader

Pada 2022, "SIR Corner" telah bekerjasama dengan 20 universiti awam untuk melihat penggunaan oleh pelajar universiti.

- Objektif projek adalah untuk melihat bagaimana pangkalan data langganan oleh SIR penting untuk pengguna dalam kalangan pelajar.
- Melalui projek ini, pihak universiti dapat memberikan cadangan penambahbaikan koleksi SIR agar lebih sesuai untuk pengguna pada masa hadapan.
- SIR atau Serambi Ilmu Rakyat merupakan perpustakaan Digital Bank Rakyat yang mula beroperasi pada tahun 2015.

 blis
Bernama Library & Infolink Service

 eLaw.my


 eBooks & eMagazines

 NIKKEI Asia

 emerald
PUBLISHING

 pressreader

 RAM
Rating Agency Malaysia



**"SEJARAH BUKAN HANYA
TENTANG MASA LALU, TETAPI
JUGA TENTANG BAGAIMANA
KITA MEMAHAMI DAN
MEMBENTUK MASA DEPAN."**

- ERIK BARNOUW

REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

Pengurusan REKOD PENTING UNIVERSITI

(KPI 2)

Bilangan Rekod Penting Universiti

Rekod penting universiti adalah bahan maklumat yang dihasilkan sepanjang perjalanan akademik dan pentadbiran yang perlu disimpan, dikendalikan, dan dilindungi dengan teliti kerana ia memainkan peranan besar dalam kelancaran operasi universiti.

Pada tahun 2024, PTAR disasarkan sebanyak **1000** bahan rekod rekod penting dalam tempoh setahun. Dengan kerjasama daripada semua PTJ UiTM Cawangan Sabah, PTAR telah berjaya mengumpulkan rekod penting UiTM Cawangan Sabah sebanyak,

1010 bahan



Pecahan REKOD PENTING UNIVERSITI



Konsultasi

PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

(PI 2)

Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab

Unit Arkib Cawangan Sabah bertanggungjawab terhadap pengurusan rekod, dan arkib UiTM Cawangan Sabah secara menyeluruh. Pengurusan rekod amat penting dalam urusan pentabiran kerajaan bertujuan menyediakan maklumat bagi perancangan, membuat keputusan dan juga merupakan asas kepada akauntabiliti kerajaan. Pengurusan rekod yang cekap dan efisien dapat membantu organisasi membuat keputusan yang tepat, meningkatkan produktiviti dan imej organisasi. Pengurusan rekod yang cekap juga memudahkan pencarian semula rekod, mengatasi masalah kekurangan ruang menyimpan rekod serta mengurangkan kos penyelenggaraan rekod. Sehubungan itu, setiap PTJ perlu menghadiri taklimat ini agar dapat menguruskan rekod dan arkib dengan lebih berkesan.

OBJEKTIF PROGRAM :

1. Mengetahui asas pengurusan fail dan rekod secara teori.
2. Memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod.
3. Memberi kefahaman tentang keperluan pengendalian rekod sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].
4. Menambah kefahaman tentang peruntukan perundangan lain yang berkaitan dengan pengurusan fail dan rekod.
5. Melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
6. Mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.



Konsultasi

PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Sasaran 2024

11

PUSAT
TANGGUNGJAWAB
TERLIBAT

Program ini telah berjaya mencapai sasaran dalam setahun iaitu sebanyak 11 PTJ bermula pada bulan Arpil sehingga September di mana melibatkan semua staf pentadbiran di UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu. Program ini telah membantu meningkatkan Kecekapan dan Aksesibiliti dalam Pengurusan Rekod yang Lebih Teratur: Dengan melupuskan rekod yang tidak lagi relevan, sistem pengurusan rekod menjadi lebih teratur, memudahkan staf untuk mencari dan mengakses rekod yang masih diperlukan. Ini mempercepatkan proses kerja dan pengambilan keputusan.

Ia terbukti apabila terdapat peningkatan jumlah permohonan pelupusan rekod berbanding tahun 2023 iaitu daripada 6 permohonan kepada 14 permohonan daripada PTJ untuk tahun 2024.

PEJABAT REKTOR
UNIT HAL EHWAL ISLAM

PEJABAT REKTOR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BAHAGIAN PENTADBIRAN

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

BAHAGIAN HAL EHWAL HEP

BAHAGIAN PENYELIDIKAN JARINGAN
INDUSTRI DAN ALUMNI

BAHAGIAN KEWANGAN

BAHAGIAN PERPUSTAKAAN

BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI

BAHAGIAN INFOSTRUKTUR

PEJABAT POLIS BANTUAN

KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Bahagian PENGURUSAN FASILITI

24 April 2024, Khamis, Bilik Mesyuarat BPF - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 29 peserta.



Bahagian KEWANGAN

29 April 2024, Isnin, Aras 4, Bangunan Menara Wibawa - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 22 peserta.



KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Bahagian PENTADBIRAN

14 Mei 2024, Selasa, Aras 5, Bangunan Menara Wibawa - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 16 peserta.



Bahagian HAL EHWAL PELAJAR


21 Mei 2024, Selasa, Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Menara Wibawa - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 16 peserta.



KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Pejabat Rektor UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

25 Jun 2024, Selasa, Unit Komunikasi Kosporat, Bangunan Menara Wibawa - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 11 peserta.



Pejabat Rektor UNIT HAL EHWAL ISLAM

27 Jun 2024, Khamis, Bilik Mesyuarat, Bangunan Menara Pustaka - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 8 peserta.



KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Pejabat POLIS BANTUAN

02 Julai 2024, Selasa, Ruang kerja Pejabat Polis Bantuan - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 9 peserta.



Bahagian HAL EHWAL AKADEMIK


20 Ogos 2024, Selasa, Bilik Mesyuarat Akademik, Bangunan Ujana Sarjana - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 18 peserta.



KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Bahagian PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI

30 Ogos 2024, Jumaat, Bilik Mesyuarat BPJIM&A, Bangunan Menara Wibawa - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 8 peserta.



Bahagian INFOSTRUKTUR

11 September 2024, Rabu, Ruang Kerja Bahagian Infostruktur - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 11 peserta.




KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Bahagian

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

25 September 2024, Rabu, Makmal Kemahiran Maklumat, PTAR - Program Konsultasi Pengurusan Rekod dan Arkib bersama PTJ berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Program ini telah mencatatkan kehadiran seramai 12 peserta.



IMPAK KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PTJ

Statistik PERMOHONAN PELUPUSAN REKOD PTJ

Peratus kenaikan jumlah permohonan dari tahun 2023 ke 2024 adalah 116.67%. Hal ini membuktikan bahawa program Konsultasi Rekod dan Arkib amat berkesan dalam membantu staf pentadbiran UiTM Cawangan Sabah dalam menguruskan rekod dengan berkesan. Antara kesan positif yang diperolehi oleh PTJ yang telah menghantar permohonan pelupusan rekod adalah;

kepentingan pengurusan rekod yang baik dapat membantu mengosongkan ruang penyimpanan dengan memusnahkan dokumen yang tidak lagi diperlukan, sekaligus mengoptimumkan penggunaan ruang fizikal dan digital. Selain itu, Membolehkan akses kepada dokumen penting menjadi lebih pantas kerana rekod yang usang telah dikeluarkan daripada sistem. Seterusnya, Memperlihatkan organisasi yang tersusun dan bertanggungjawab dalam menguruskan rekod, meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap kecekapan organisasi. Akhir sekali, dapat memastikan organisasi mematuhi peraturan dan dasar berkaitan pelupusan rekod, mengelakkan implikasi undang-undang.

Jumlah permohonan 2023

6

Bahagian Hal Ehwal Akademik -1
Bahagian Hal Ehwal Pelajar -3
Bahagian Penyelidikan, Jaringan
Industri, Masyarakat dan Alumni - 1
Kampus Tawau - 1

Jumlah permohonan 2024

13

Bahagian Pentadbiran - 1
Bahagian Kewangan - 1
Bahagian Hal Ehwal Akademik - 3
Bahagian Hal Ehwal Pelajar - 6
Bahagian Pengurusan Fasiliti - 1
Kampus Tawau - 1

Bengkel **PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL UITM CAWANGAN SABAH** 16 Disember 2024 (Isnin) hingga 17 Disember 2024 (Selasa) | Ruang Bilik Berkaca PTAR

Klasifikasi Fail (KF) merupakan komponen utama dalam pengurusan rekod di UiTM. Kesan daripada penstrukturan semula UiTM dan perubahan format KF oleh Arkib Negara Malaysia, pengurusan UiTM telah memutuskan supaya KF UiTM dibangunkan semula berdasarkan penetapan baharu yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM). Sehubungan itu, anjuran Bengkel ini adalah susulan keputusan Cadangan Pelaksanaan Klasifikasi Fail Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 25/2024 bertarikh 20 November 2024.



**APAPUN YANG DILAKUKAN OLEH SESEORANG
ITU, HENDAKNYA DAPAT BERMANFAAT BAGI
DIRINYA SENDIRI, BERMANFAAT BAGI
BANGSANYA, DAN BERMANFAAT BAGI
MANUSIA DI DUNIA PADA UMUMNYA.**



KI HADJAR DEWANTARA

LAWATAN



LAWATAN PENANDAARASAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UITM CAWANGAN SABAH KE PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Pada 6 Mac, PTAR UiTM Cawangan Sabah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan rombongan sebanyak 15 orang. Rombongan ini terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Romi Rampun@Ramlan, pustakawan, pembantu pustakawan, dan pembantu pemuliharaan.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memperluas pengetahuan dalam pengurusan perpustakaan dan memperkukuhkan hubungan kerjasama antara dua institusi pengajian tinggi utama di Sabah. Rombongan melawat pelbagai bahagian perpustakaan UMS, berbual dengan kakitangan pakar, dan bertukar pendapat mengenai inovasi terkini dalam pengurusan perpustakaan akademik.



Lawatan ini tidak hanya meningkatkan kecekapan PTAR UiTM Cawangan Sabah dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang cemerlang, tetapi juga memperkukuhkan jaringan profesional di kalangan staf mereka. Ini adalah langkah penting dalam pembangunan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan pembelajaran yang dinamik di UiTM Cawangan Sabah.

MENEROKA KERJASAMA LINTAS SEMPADAN: LAWATAN PENANDAARASAN PERSATUAN PERPUSTAKAAN BRUNEI KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM SABAH

Pada 11 Jun, Persatuan Perpustakaan Brunei telah menganjurkan lawatan strategik ke Perpustakaan Tun Abdul Razak di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah. Rombongan yang terdiri daripada 11 orang, dipimpin oleh Puan Nelly sebagai Presiden Persatuan, telah mengadakan lawatan ini dengan matlamat utama untuk memperkukuhkan kerjasama dan membolehkan pertukaran pengetahuan antara profesional perpustakaan Brunei dan UiTM Sabah.

Dalam sesi perbincangan yang aktif, kedua-dua pihak berinteraksi dalam dialog yang membincangkan isu-isu utama seperti transformasi digital, inisiatif komuniti, dan strategi untuk meningkatkan literasi masyarakat.

Selain itu, lawatan ini juga memberi peluang kepada peserta untuk berjaringan dan menjalin hubungan profesional yang lebih rapat. Pertukaran pandangan semasa sesi makan dan rehat membantu memperkukuhkan ikatan peribadi antara peserta, sekaligus membina asas untuk kerjasama masa depan yang lebih erat dan berkesan.



Secara keseluruhan, lawatan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sabah, bukan sahaja memperkayakan pengetahuan dan perspektif, tetapi juga membina jambatan penting untuk pertumbuhan bersama dalam bidang perpustakaan antara Brunei dan Sabah.

Lawatan Pendidikan

Lawatan Pendidikan ke Perpustakaan memberi peluang berharga kepada pelajar untuk meneroka pelbagai sumber ilmu yang ada, dari koleksi buku klasik hingga bahan digital terkini. Dengan bimbingan daripada pustakawan, mereka belajar cara memanfaatkan pelbagai perkhidmatan perpustakaan, seperti pencarian bahan rujukan, akses ke pangkalan data, dan penggunaan kemudahan digital, untuk menyokong pembelajaran dan penyelidikan mereka. Semoga lawatan ini memberi inspirasi untuk terus menggali ilmu dan memanfaatkan sumber yang tersedia untuk kejayaan akademik.



SUMMER PROGRAMME
ATENEO DE MANILA UNIVERSITY



CELEBRATING WORLD DAY FOR CULTURAL DIVERSITY AND WELCOMING
**TE HONONGA-Ā-KIWA 2024 AND
THE UNIVERSITY OF WAKAITO, NEW ZEALAND**



GLOBAL VENTURES: EMPOWERING BUSINESS LEADERS THROUGH
STUDENT INTERNATIONAL MOBILITY PROGRAMME 2023
UNIVERSITAS DHARMA ANDALAS (UNIDHA)



SUMMER PROGRAMME : JEWELS OF BORNEO
UNIVERSITAS LAMPUNG (UNILA)



KOLEJ TINGKATAN 6
SMK WESTON

21 NOVEMBER 2024



TINGKATAN 6
SMK KENINGAU II

21 NOVEMBER 2024




"KOLABORASI SEJATI ADALAH LINGKUNGAN YANG MENDORONG KOMUNIKASI, PEMBELAJARAN, KONTRIBUSI MAKSIMAL, DAN INOVASI"

- JANE RIPLEY

KOLABORASI

KOLABORASI


Kolaborasi merupakan salah satu inisiatif alternatif yang dapat dilakukan oleh pihak perpustakaan untuk meningkatkan perkhidmatan perpustakaan, meningkatkan potensi perpustakaan serta memacu kreativiti dan peluang inovasi dan juga berkualiti. Komitmen daripada semua staf perpustakaan yang terlibat sangat diperlukan dengan kerjasama yang kuat untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk dalam usaha untuk meningkatkan kemampuan berkomunikasi pihak perpustakaan dan pihak luar.



PROGRAM LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT

Ruang LCE berfokus pada usaha memperkukuh hubungan antara perpustakaan dengan komuniti setempat, baik itu dari kalangan pelajar, kakitangan universiti, atau masyarakat luar. Berikut adalah beberapa objektif utama bagi Library Community Engagement PTAR:

- **Memperkukuh Perkhidmatan dan Peranan Perpustakaan Sebagai Pusat Ilmu dan Sumber Komuniti**
 - Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan untuk menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan
 - PTAR berusaha untuk memperkasa peranannya bukan hanya sebagai pusat rujukan akademik, tetapi juga sebagai pusat pengumpulan, penyebaran, dan pertukaran ilmu kepada masyarakat umum. Ini termasuk menyokong pelbagai program pendidikan, budaya, dan aktiviti komuniti.
- **Memupuk Semangat Kerjasama dan Kolaborasi**
 - PTAR turut memfokuskan kepada penglibatan dalam kerjasama dengan pelbagai organisasi, sekolah, badan bukan kerajaan (NGO), serta komuniti setempat untuk mewujudkan kolaborasi yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.
- **Mempererat Hubungan Universiti dan Masyarakat**
 - Salah satu objektif penting adalah untuk memperkukuh hubungan antara universiti dengan komuniti setempat. Ini melibatkan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat luar serta meningkatkan imej dan peranan universiti dalam pembangunan komuniti.



Library Community Engagement : Letter of Intent (LoI) /Memorandum of Understanding (MoU)



05 MAC 2024

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Universiti Teknologi MARA bersama Intent Harvest Sdn Bhd & My Kebun Vanilla At Kinarut



08 MAC 2024

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Antara Universiti Teknologi MARA dan Botanickel Sabah Sdn. Bhd. (Wholly-Owned By Botanickel France)



18 OKTOBER 2024

Letter of Intent (LOI) Signing Ceremony between Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia and Universitas Halu Oleo, Indonesia

Library Community Engagement : Ceramah / Kursus



08 FEBRUARI 2024
Ceramah Israk Mikraj
1445H/2024M "Tadabbur
Sebuah Kembara Agung



01 MAC 2024
Pengajian Kitab Fiqh
Puasa Menurut
Mazhab Syafii RA



16 FEBRUARI 2024
Seminar Perancangan
Harta & Pengurusan
Pusaka






05 JUN 2024

Lawatan Kerja YBrs. Encik Mustaffa Kamil Ayub, Ahli Lembaga Pengarah Universiti UiTM ke UiTM Cawangan Sabah



20 SEPTEMBER 2024

Syarahan Malaysia Madani & Jiwa Merdeka yang disampaikan oleh YBrs. Encik Mustaffa Kamil Ayub, Ahli Lembaga Pengarah UiTM bersama warga UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu



17 OKTOBER 2024

Competencies & Talent Development: Transformasi & Kepimpinan Madani anjuran bersama ILD UiTM & UiTM Cawangan Sabah

AR-RAUDHAH UHEI @ PTAR

Pusat Ilmu dan Penghayatan Islam di UiTM Cawangan Sabah

Ar-Raudhah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat untuk pembelajaran akademik, tetapi juga sebagai sebuah pusat untuk memperkayakan aspek spiritual di kalangan warga kampus. Pusat ini menyediakan pelbagai kemudahan dan program keagamaan yang dirancang untuk memperkukuhkan iman dan memperdalamkan penghayatan agama Islam dalam kehidupan seharian.



Majlis Perasmian Ar-Raudhah UHEI @ PTAR

Melalui kerjasama antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Sabah, Ar Raudhah berjaya diwujudkan untuk memenuhi keperluan para pelajar dan staf dalam kedua-dua aspek akademik dan rohani.

FUNGSI DAN TUJUAN AR RAUDAH DI UITM CAWANGAN SABAH

Ar Raudhah UHEI @ PTAR adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk menyediakan ruang bagi warga universiti untuk belajar, beribadah, dan beramal dalam suasana yang tenang dan penuh keberkatan. Ruang ini dilengkapi dengan bahan bacaan yang berkaitan dengan ilmu agama, tafsir, hadis, dan alat bantu pengajian Islam untuk membantu para pengunjung memperdalam pemahaman mereka terhadap agama.

AKTIVITI MINGGUAN DI AR-RAUDHAH: MENGHUBUNGKAN JIWA DENGAN ILMU

Berikut adalah senarai aktiviti utama yang dijalankan secara live dan fizikal di Ar- Raudhah sepanjang minggu:

- Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil
- Sesi Doa Pagi
- Bacaan Al-Quran dan Pengajian Tajwid
- Pengajian Hadis dan Ilmu Fiqh
- Sesi Bacaan Surah Pilihan
- Kuliah Diskusi Ilmu Islam



BILIK SEMINAR MAT SALLEH, ANTANOM, DAN SOGUNTING :

Inisiatif Kolaborasi Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Sabah dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) UiTM Cawangan Sabah

Bilik Seminar Mat Salleh, Antanom, dan Sogunting merupakan hasil kerjasama antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sabah dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) UiTM Cawangan Sabah untuk mengatasi masalah kekurangan ruang kelas di kampus tersebut.

Projek ini adalah satu inisiatif strategik yang bertujuan untuk menampung keperluan ruang seminar yang semakin meningkat berikutan jumlah pelajar dan aktiviti akademik yang semakin berkembang di UiTM Sabah. Pembinaan bilik seminar ini telah mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk disiapkan dan menyediakan kemudahan tambahan yang penting bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran di kampus.



Bilik Seminar Mat Salleh

Bilik Seminar Antanom

Bilik Seminar Sogunting

Inisiatif ini juga memperkukuhkan peranan Perpustakaan Tun Abdul Razak sebagai pusat pembelajaran yang bukan sahaja menyediakan bahan rujukan, tetapi juga ruang dan kemudahan bagi aktiviti pengajaran dan penyelidikan.





**"RAIHLAH ILMU DAN UNTUK
MERAHIL ILMU, BELAJARLAH
UNTUK TENANG DAN SABAR."**

KHALIFAH UMAR

PENERBITAN

Poster

KONSULTASI PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB
UNIT ARKIB UNIVERSITI, PTAR UITM CAWANGAN SABAH
BERSAMA PTJ UITM CAWANGAN SABAH
APRIL - SEPTEMBER 2024

MOKLUMAT LAINST
HUBUNGI:
PENERAMAH
DR. ROM RAMPHU & SHALIM
TUMBUKAN KETUA PUSTAKAWAN
PTAR, 088-513604
NURS YAHYA BINTI KHARUL ANUAR
PUSAT PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN
PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN
PTAR, 088-513607

BENKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL
UITM CAWANGAN SABAH
16-17 DISEMBER 2024
9.30AM - 4.30PM
DUANG BILIK BERKACA, ARAS 4, PTAR

KF BARU
KF LAMA
MANUAL KLASIFIKASI FAIL

Pada peserta diminta untuk membawa laptop dan senarai fail PTJ masing-masing

www.sabah.library.uitm.edu.my

25 TAHUN
1999-2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Majlis Perasmian

- BILIK SEMINAR MAT SALLEH
- BILIK SEMINAR ANTANOM
- BILIK SEMINAR SOGUNTING

S.I.R CORNER
SERAMBI ILMU RAKYAT
Antara KOLEKSI DIGITAL yang disediakan:

- emerald PUBLISHING
- ISI
- Newspaper
- eMagazines & eNewspaper
- RAM
- blis
- Bernama Library & Infotek Service
- eBooks & eMagazines
- LaWay
- Judgment, Legal Cases & Legislation

Lokasi S.I.R:
Pusat IT, Aras Bawah, Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sabah

Kuarter Perkhidmatan Utama: 088-513604
Pusat IT (Kuarer ICT): 088-513609
Pusat Perkhidmatan (Kuarer): 088-513607

Visit Our Website
<https://sabah.library.uitm.edu.my/>

PERKHIDMATAN PENJILIDAN
UNIT JILID PERPUSTAKAAN CAWANGAN SABAH, KAMPUS KOTA KINABALU

KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN

HARD COVER FOLDER (M40)	→ RM25.00
SAMPLE BINDING / BINDING TAPE	→ RM1.50
FAST BIND PERFECT BINDING	→ RM1.00
COMB BINDING (SIZE A4)	→ RM1.50
LIMINATION	→ RM2.50
PLASTIC PVC TRANSPARENT	→ RM0.50

UNTUK PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
UNIT JILID → 088-513603
KAUNTER → 088-513604
CIK SYIDA → 088-513607

MUDAH | CEPAT | SELAMAT
<https://sabah.library.uitm.edu.my>

BENKEL penulisan
TATACARA PAPER MACHINE@UITM
01 OKTOBER 2024
SELASA
08:00 - 01:00
PAGI PETANG

Semua Pansyarah UITM Cawangan Sabah dijemput hadir
*JAM LATIHAN DISEDIAKAN

DEWAN TUN MUSTAPHA, UJANA SARJANA UITM CAWANGAN SABAH

LINK KEHADIRAN: <https://forms.gle/20Dm7uLVy8c7>

Pand Penceramah:
ROMI RAMPHU BRAMLAN (TUMBUKAN KETUA PUSTAKAWAN)
DR. ZALIFAN AWANG ZAKARIA (TUMBUKAN KETUA PUSTAKAWAN)
MARLIA YONG (PUSAT KAWAN KAWAN PUSTAKAWAN)
NURS YAHYA KHARUL ANUAR (PUSAT KAWAN KAWAN PUSTAKAWAN)

Maklumat lanjut: 088-513609/3604
Anjuran: Perpustakaan UITM Cawangan Sabah bersempadan dengan PERMA UITM Cawangan Sabah

10 OKTOBER 2024
Perpustakaan Tun Abdul Razak, Uitm Cawangan Sabah

Majlis Perasmian Bilik Seminar

Dirasmikan oleh:
YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Seminar PERANCANGAN HARTA & PENGURUSAN PUSAKA
Kenali Waris Islam, Hukum Syarak dan Undang-Undang

Penceramah
Puan Maria Hastuti Bachtiar
Perunding Profesional Mawarath

JUMAT 16
16 FEBRUARI 2024

5.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
JAM LATIHAN BERSAMA SAMA

LOKASI
Library Community Engagement (ICE), Aras Bawah, PTAR Sabah

Ceramah Israk Mikraj
1445H 2024M

"Tadabbur Sebuah Kembara Agung"

PENERAMAH
Dr. Syamsul Azizul Marinsah
Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

8 Februari 2024
Khamis
27 Rejab 1445H

9.30 Pagi - 11.00 Tengahari


Library Community Engagement (ICE) Aras Bawah, PTAR UITM Sabah

Jom Masuk PTAR!

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Sabah
Tarikh: 16 Mei 2024 (Rabu)
Masa: 7:30 Pagi - 12:00 Tengahari

HUPON KOLEJ DISEDIAKAN

Objektif:
Meningkatkan pengetahuan rakyat mengenai kegunaan Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sabah dan PUSA Persekitaran PUSARA

A close-up photograph of a person's hands holding an open newspaper. The newspaper is the 'Northwest' edition, dated November 5, 2021. The main headline reads 'How coronavirus upended youth — and what they say they need'. Other visible headlines include 'NI Una Mía: Seeking justice for femicide in Mexico through poetry, journalism and art' and 'Through pandemic's setbacks'. A quote is overlaid in a semi-transparent grey box across the center of the image.

"ILMU PENGETAHUAN TANPA AGAMA LUMPUH, AGAMA TANPA ILMU PENGETAHUAN BUTA."

ALBERT EINSTEIN

KERATAN AKHIBAR

Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail, UiTM Cawangan Sabah


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN SABAH, 16-17 Disember 2024



Sumber: UiTM News Hub, 23 Januari 2025

Sambutan Kemuncak Jubli Emas 50 Tahun UiTM Cawangan Sabah dan MAIJASA 2023

KOTA KINABALU, 26 Januari 2024



Sumber: UiTM News Hub, 23 Januari 2025



اَوْبَدُوْا رَسُوْلِيْكُمْ لِيُنزِلَ عَلَيْكُمْ مِّنْ سَمٰوٰتِنَا اٰیٰتًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

*Sekian,
Terima kasih*

TAMAT

LAPORAN TAHUNAN 2024

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN SABAH